

STATUS USUL MBJ 2020-2022**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI**

BIL	USUL/MASALAH	STATUS
MBJ BIL.2/2020		
TARIKH : 07 SEPTEMBER 2020		
KEBAJIKAN		
1	Tuntutan parkir kenderaan	Mesyuarat mengambil maklum JBG telah menyemak Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/2011 (Peraturan Balik Letak Kenderaan) (SPP 2/2011). Pejabat JBG Johor telah memberikan kemudahan kepada pegawai yang layak membuat tuntutan berdasarkan kepada peraturan dan pertimbangan Ketua Jabatan iaitu tuntutan pekerjaan yang melibatkan pergerakan keluar/masuk pejabat. Prosedur ini juga bagi mengawal peruntukan kewangan jabatan yang terhad.
2	Set baju hujan dan beg bagi penghantar notis/Pembantu operasi	BHEUU telah membuat perolehanan pada 15 Oktober 2020 bagi lima (5) unit yang ditempatkan di Unit Khidmat Pengurusan. Setelah semakan dibuat, JBG sedia menimbang permohonan ini dengan syarat-syarat tertentu yang melayakkan ia dituntut. Mdl memohon usul ini digugurkan memandangkan pembekalan baju hujan dan beg yang bersesuaian adalah dalam perancangan Jabatan ini yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana kekangan masa berikutan Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 pada 3 Disember 2020.
PERKHIDMATAN		
3	Kekosongan jawatan LS29 dan L29	Bahagian Khidmat Pengurusan, JBG mengambil maklum berhubung usul yang dinyatakan dan memaklumkan bahawa perkara berkaitan pengisian kekosongan jawatan ini merupakan masalah yang dihadapi oleh semua Jabatan/Agensi. Pengisian kekosongan jawatan bagi gred lantikan memerlukan kelulusan

		<p>daripada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam.</p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini digugurkan dan dibincangkan dengan lebih terperinci di peringkat pengurusan jabatan.</p>
MBJ BIL.3/2020		
TARIKH : 20 NOVEMBER 2020		
KEBAJIKAN		
4	Menyediakan ruangan khas/ pondok khas untuk kakitangan yang merokok di Bangunan BHEUU	Mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana bertentangan dengan pewartaan bangunan kerajaan sebagai kawasan larangan merokok.
5	Galakan menyertai program sukan secara virtual / maya	Mesyuarat bersetuju dengan galakan menyertai sukan secara virtual/ maya. Walau bagaimanapun, tuntutan bayaran bagi penyertaan aktiviti sukan adalah tertakluk kepada peraturan/ pekeliling kerajaan yang berkuat kuasa.
MBJ BIL.1/2021		
TARIKH : 17 MAC 2021		
PERKHIDMATAN		
6	Kajian keperluan penambahan perjawatan skim Gred F di agensi BHEUU, JBG dan Mdl	<p><u>SELESAI</u></p> <p>Unit Sumber Manusia BHEUU membantu pihak Mdl dan JBG untuk cadangan penyusunan semula organisasi dengan memfokuskan kepada seksyen/bahagian yang kritikal seperti Seksyen/ Bahagian Pengurusan Maklumat. Selain itu, perlu mengenalpasti jawatan yang perlu dinaik taraf sekiranya terdapat keperluan.</p> <p>Mesyuarat penambahbaikan Skim F di Jabatan Insolvensi Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU telah diadakan pada 8 Oktober 2021.</p> <p>Mesyuarat telah bersetuju dengan tindakan lanjut yang perlu diambil oleh semua pihak untuk</p>

		<p>mendapatkan jalan penyelesaian jangka masa pendek. Manakala sebarang perancangan penstrukturan semula/penyusunan semula organisasi masing-masing khususnya Bahagian/Seksyen/Unit Teknologi Maklumat di JBG/MdI perlu dikemukakan kepada pengurusan tertinggi BHEUU.</p> <p>BHEUU sedang meneliti permohonan JBG untuk menempatkan secara sementara tiga (3) orang pegawai skim F Gred 41/44, FA32 dan FA29 di BHEUU bagi membantu tugas-tugas di JBG. Cadangan ini akan dikemukakan kepada KP BHEUU untuk pertimbangan selanjutnya.</p>
KEBAJIKAN		
7	Gangguan tugas apabila bekalan elektrik terganggu di bangunan BHEUU.	<p>Naziran penggunaan barang-barang elektrik di bangunan BHEUU dilaksanakan dengan menyeluruh melibatkan semua jabatan. Laporan kekerapan gangguan bekalan elektrik dalam tempoh satu (1) minggu hendaklah dikemukakan kepada pihak pengurusan. Sebarang aduan berkenaan permasalahan fasiliti di bangunan BHEUU hendaklah dikemukakan melalui saluran yang telah disediakan untuk memastikan aduan tersebut dapat direkodkan. Warga kerja hendaklah diwar-warkan berkenaan sistem aduan tersebut</p> <p>Naziran penggunaan barang-barang elektrik di bangunan BHEUU dilaksanakan dengan menyeluruh melibatkan semua jabatan. Laporan kekerapan gangguan bekalan elektrik dalam tempoh satu (1) minggu hendaklah dikemukakan kepada pihak pengurusan. Sebarang aduan berkenaan permasalahan fasiliti di bangunan BHEUU hendaklah dikemukakan melalui saluran yang telah disediakan untuk memastikan aduan tersebut dapat direkodkan. Warga kerja hendaklah diwar-warkan berkenaan sistem aduan tersebut</p> <p>Kawalan keselamatan dan naziran telah dilaksanakan dan perbincangan lanjut antara ketiga-tiga jabatan akan</p>

		<p>dibuat dari masa ke semasa bagi membuat penambahbaikan;</p> <p>Syarikat pengurusan fasiliti telah membuat laporan bagi kes-kes yang berlaku dan berdasarkan punca yang telah dikenal pasti, pihak pengurusan jabatan akan mengambil tindakan dengan kadar segera sebagai langkah pencegahan permasalahan tersebut; dan</p> <p>Hebahan kepada semua warga kerja berkenaan peraturan-peraturan penggunaan peralatan elektrik di dalam bangunan dibuat melalui siar raya dan juga notis di dinding bangunan BHEUU.</p>
MBJ BIL.2/2021		
TARIKH : 11 OGOS 2021		
KEBAJIKAN		
8	Menjamin keselamatan pekerja/petugas kaunter yang berurusan secara fizikal dengan pelanggan	<p>Mesin disinfeksi telah dipasang di ruang lobi masuk bangunan BHEUU. Syarikat pengeluar telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah membuat pemasangan di beberapa agensi kerajaan yang lain;</p> <p>Mdi dan JBG masih meneruskan perkhidmatan sanitasi daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengikut situasi semasa kes Covid-19 di bangunan BHEUU. Manakala proses sanitasi ruang pejabat sentiasa dilaksanakan pada setiap masa oleh kontraktor pembersihan; dan</p> <p>JBG juga telah membekalkan cermin penghadang di kaunter/bilik khidmat nasihat pejabat JBG di seluruh negara;</p> <p>Cecair pembersihan yang digunakan oleh Syarikat ZD Indah adalah menepati spesifikasi bagi tujuan sanitasi pejabat pada setiap masa; dan</p> <p>Pembukaan tingkap pejabat semasa</p>

		<p>hari cuti minggu telah dilaksanakan dan akan diteruskan sebagai salah satu langkah pencegahan penularan wabak Covid-19.</p>
9	<p>Keutamaan penerima vaksin Covid-19 kepada petugas kaunter di semua negeri/cawangan Mdl dan JBG</p>	<p>BHEUU sedang mengambil tindakan susulan kepada pegawai yang enggan divaksin dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2021;</p> <p>Kesemua petugas kaunter Mdl telah selesai divaksin. Manakala bagi pegawai-pegawai yang enggan divaksin, Mdl masih memberikan masa dan khidmat nasihat. Sekiranya masih enggan divaksin, Surat Tunjuk Sebab akan dikeluarkan; dan</p> <p>Hampir 100% warga JBG telah divaksinasi kecuali satu (1) kes di JBG Selangor yang masih enggan divaksin. Nasihat dan peringatan telah diberikan dari masa ke semasa oleh Pengarah Negeri dan Ibu Pejabat kepada pegawai-berkenaan dan tindakan ini akan terus dijalankan agar pegawai tersebut merubah fikiran mengenai kepentingan pengambilan vaksin.</p>
10	<p>Bantuan dan inisiatif Jabatan kepada kakitangan yang terjejas berikutan impak Pandemik Covid-19</p>	<p>BHEUU telah mengedarkan contoh borang soal selidik kepada JBG dan Mdl. Pegawai-pegawai yang dikenal pasti memerlukan bantuan di BHEUU juga telah menerima sumbangan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan berupa barangan asas keperluan;</p> <p>Perjumpaan AJK Kelab Kebajikan dan Sukan (KSK) BHEUU bersama KP BHEUU telah diadakan pada 1 September 2021. KSK BHEUU perlu mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan bagi tujuan pelantikan untuk penggal baharu; dan</p> <p>Ceramah Pendidikan Kewangan: Mengharungi Cabaran oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah diadakan secara dalam</p>

		<p>talian pada 6 Oktober 2021 (Rabu) yang disertai oleh 50 orang warga BHEUU, JBG dan Mdl.</p>
11	<p>Mewujudkan satu pelan pelaksanaan dan penguatkuasaan untuk mencegah gangguan seksual di pejabat</p>	<p>Hebahan berbentuk poster infografik mengenai pengendalian gangguan seksual telah diedarkan melalui emel kepada warga kerja BHEUU, JBG dan Mdl pada 11 Oktober 2021;</p> <p>JBG turut mengedarkan emel hebahan artikel surat khabar mengenai 'Penggubalan RUU Gangguan Seksual Jadi Keutamaan' pada 21 September 2021;</p> <p>Latihan dan taklimat kepada petugas kaunter dan polis bantuan BHEUU dibuat secara mingguan berkenaan tatacara untuk menasihati orang awam/pegawai yang tidak memenuhi etika pemakaian apabila berurusan di pejabat Kerajaan;</p> <p>Pada masa yang sama, tatacara pemakaian mengikut peraturan berurusan di pejabat kerajaan dipaparkan di perkarangan lobi; dan</p> <p>Pelanggan/pegawai yang tidak memenuhi tatacara etika pemakaian untuk berurusan di pejabat Kerajaan akan diberikan nasihat.</p>
<p>MBJ BIL.3/2021</p>		
<p>TARIKH : 06 DISEMBER 2021</p>		
<p>KEBAJIKAN</p>		

12	Skuad pengurusan jenazah	<p>Mesyuarat mencadangkan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • supaya dianjurkan Kursus Pengurusan Jenazah kepada pegawai-pegawai supaya sentiasa bersedia apabila berlaku musibah kepada keluarga masing-masing. Manakala bagi pegawai-pegawai bukan Islam boleh ditawarkan bantuan kaunseling untuk memberi sokongan psikologi selepas kehilangan ahli keluarga terdekat; dan • wakil jabatan boleh menziarahi ahli keluarga pegawai di rumah semasa urusan pengebumian sebagai penghormatan kepada pegawai tersebut. <p>Mesyuarat juga memaklumkan bahawa kekuatan kenderaan dan pemandu di jabatan adalah terhad dan perlu memenuhi keperluan kerja hakiki masing-masing. Kenderaan jenazah perlu diselenggara dan melibatkan pertambahan kos kepada jabatan;</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya BHEUU, JBG dan Mdl mengadakan kerjasama dengan pihak JAKIM untuk membuat peminjaman kenderaan jenazah apabila diperlukan. Alternatif lain yang disyorkan ialah membuat pertanyaan kepada beberapa agensi lain yang memiliki kenderaan jenazah untuk dipinjamkan kepada BHEUU;</p> <p>Terdapat juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu persendirian seperti Uncle Kentang yang menyediakan perkhidmatan percuma kepada mana-mana pihak yang memerlukan. Pada masa sama, perkhidmatan ini boleh diperolehi melalui persatuan penduduk/masjid/surau/rumah ibadat di kediaman masing-masing;</p>
----	--------------------------	---

		<p>KSK BHEUU perlu digerakkan supaya dapat menyalurkan sumbangan kepada ahli-ahli yang ditimpa musibah di kawasan Lembah Klang;</p> <p>Penyediaan manual/garis panduan berkenaan permohonan bantuan pengurusan jenazah dan nombor untuk dihubungi seterusnya diedarkan kepada warga jabatan masing-masing;</p> <p>Kerajaan melalui W.P. 6.4 Bantuan Mengurus Jenazah Dan Bayaran Pengangkutan Jenazah Pegawai Perkhidmatan Awam telah menyediakan Bantuan Mengurus Jenazah dan Bayaran Pengangkutan Jenazah bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, sama ada di dalam atau di luar tugas rasmi adalah layak diberi kepada semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak;</p> <p>Kadar Bantuan Mengurus Jenazah adalah sebanyak RM3,000.00 dan dibayar sekali sahaja secara sekali gus. Pegawai yang diwakili oleh Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pengesahan kematian pegawai dan mengisi borang selewat-lewatnya satu bulan dari tarikh kematian. Borang tersebut hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan sebelum bayaran boleh dibuat;</p> <p>Bayaran Pengangkutan Jenazah hendaklah dibuat perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit. Tuntutan ini hendaklah dikemukakan oleh waris pegawai atau pihak yang telah menerima Bantuan Mengurus Jenazah dengan menggunakan borang yang ditetapkan seberapa segera dan tidak melebihi tempoh 12 bulan dari tarikh kematian pegawai.</p>
--	--	--

		Manual/garis panduan berkenaan tatacara permohonan bantuan mengurus jenazah dan bayaran pengangkutan jenazah pegawai perkhidmatan awam disediakan dan dihebahkan kepada warga kerja jabatan.
13	Pengoperasian semula lif di Blok Utara, Bangunan BHEUU	<p>Semasa di dalam Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, di mana kehadiran ke pejabat mencapai 80%, akses lif masih dikawal hingga ke Aras G sahaja dan kakitangan perlu menggunakan lif lain untuk ke ruangan kerja masing-masing sama ada di Blok Selatan atau Utara;</p> <p>Selepas Kerajaan mengumumkan peralihan Pelan Pemulihan Negara bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya ke Fasa 4, pengoperasian lif telah kembali seperti biasa di semua blok. Walau bagaimanapun, pengoperasian lif sehingga aras G tetap dikekalkan sebagai pematuhan kepada Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara. Pegawai wajib membuat imbasan Kod QR menggunakan MySejahtera dan mengimbas bacaan suhu badan sebelum masuk ke pejabat;</p> <p>Kamera litar tertutup diaktifkan dan disediakan di lokasi yang bersesuaian sebagai langkah kawalan keselamatan di pejabat; dan</p> <p>BHEUU telah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Kerja Raya untuk pemasangan kamera litar tertutup di lokasi tertentu mulai tahun 2022.</p>
14	Fingerprint Attendance Machine	Mesyuarat bersetuju permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan peruntukan kewangan BHEUU. Pada masa ini, BHEUU sedang membuat kajian penggunaan Sistem Kehadiran Biometrik untuk membuat unjuran

		perbelanjaan dan daya tahan sistem tersebut.
15	Baju Vest Penghantar notis	<p>Mesyuarat bersetuju supaya:</p> <p>Mdi membuat soal selidik kepada Penghantar Notis berkenaan keperluan baju vest tersebut.</p> <p>Pemakaian baju seragam adalah diwajibkan kepada semua pegawai yang layak dan telah dibekalkan pakaian seragam oleh jabatan. Pegawai penyelia disarankan membuat pemeriksaan secara berkala untuk memastikan pegawai masing-masing memakai pakaian seragam semasa menjalankan tugas rasmi di pejabat.</p>